

Fonologi Kavalan: Kajian Sinkronik dan Diakronik

PAUL LI JEN KUEI

Makalah ini membincangkan bahasa Kavalan dari aspek sinkronik dan diakronik. Dari aspek sinkronik, ciri fonetik, distribusi dan fonostatiknya dibincangkan; dari segi diakronik, perkembangan sejarawi bahasa ini dari aspek perubahan bunyi dan kata-kata kognat dibahaskan. Seperti yang dijelaskan dalam makalah ini, bahasa Kavalan mencerminkan fonem bahasa Proto-Austronesia dan Proto-Formosa.

PENGENALAN

Bahasa Kavalan adalah salah satu bahasa Austronesia (Melayo-Polinesia) yang dituturkan di bahagian timur pantai Taiwan.¹ Pada masa sekarang, bahasa ini hanya dituturkan segelintir orang. Tinjauan kepustakaan lepas mendapati maklumat mengenai bahasa ini sangatlah terbatas, iaitu cuma ada 370 perbendaharaan kata telah disenaraikan dalam monograf Ferrell (1969) selain sebuah makalah sederhana yang dihasilkan Li (1978a) *The Case-Marking Systems of the Four Less Unknown Formosan Languages*. Sehubungan itu, sehingga kini, bahasa ini masih lagi “bahasa yang belum diketahui dengan sepenuhnya”. Disertasi Shigeru Tsuchida (1976) di Universiti Yale telah menggunakan pelbagai data bahasa Austronesia di Formosa, termasuk Thao dan Pazeh, tetapi tidak meliputi bahasa Kavalan, kerana kekurangan data yang menyakinkan (Tsuchida 1976: 10).

Kedua-dua ahli linguistik Jepun, Shigeru Tsuchida dan Tsunekazu Moriguchi, telah melakukan kajian lapangan tentang bahasa Kavalan; namun sehingga kini, belum ada penerbitan berkaitan bahasa ini. Selain penulis, belum pernah ada sarjana Cina telah mengkaji bahasa ini.² Suku Kavalan cenderung bertutur bahasa Cina dan Amis dalam hidup seharian mereka. Dengan itu, bahasa ini mengalami Sinafikasi (pencinaan) dan akan pupus sekiranya tidak direkodkan dengan segera.³ Tujuan utama makalah ini adalah untuk memperoleh fonologi bahasa Kavalan.

Laporan ini hanya sebahagian daripada hasil yang diperoleh daripada usaha penulis tentang bahasa Kavalan. Dari segi kajian sinkronik, penulis melakukan deskripsi fonetik, meninjau distribusi dan fonostatik. Dari segi

kajian diakronik, penulis menelusuri perkembangan sejarawi bahasa ini tidak sahaja dari segi perubahan bunyi, tetapi juga mengenalpasti lebih dari 100 kata kognat.

FONOLOGI

Konsonan:

	Bilabial	Dental	Velar	Uvular	Glotis
Hentian	p	t	k	q	ʔ
Frikatif vl.		s			
vd.	β	z			R
Nasal	m	n	ŋ		
Lateral		l			
Getaran		r			
Semivokal	w	y			

Vokal:

i		u
	ə	
	a	

Diftong:

ay, aw, iw, uy

DESKRIPSI FONETIK

Bahasa Kavalan mempunyai lima hentian tak bersuara /p, t, k, q, ʔ/ dan tiga frikatif bersuara /β, z, R/. Konsonan /t/ adalah bunyi dental dan /q/ adalah hentian uvular.

/β/ adalah bunyi frikatif bilabial bersuara yang lemah [β].

/z/ diretrofleks sedikit pada posisi awal dan tengah kata, iaitu [z]. Untuk penutur yang berusia, /z/ pada posisi akhir kata diretroflekskan dengan agak kuat sehingga menjadi [ɾ]. Tiada konsonan yang diretroflekskan itu dijumpai dalam penyebutan golongan penutur muda.

Secara fonetik, bunyi frikatif uvular /R/ dibunyikan [ɣ], tetapi mempunyai varian tak bersuara pada akhir suku kata, iaitu [χ] pada akhir kata atau akhir suku kata sebelum konsonan. Misalnya: [sa'paχpaa'ɪn] 'hutan',⁴ [saa'póχ] 'menyemai', [Li'waχ'wáχ] 'pelangi', [qaw'pí^oχ] 'ubi

keledek', [soχ'náʔ] 'salji', atau mengikut konsonan tak bersuara. Misalnya, [pχapkáʔ] 'menyentuh'. Ia mungkin juga boleh ditafsir sebagai akhir suku kata yang bersuara sebelum konsonan bersuara. Misalnya, [moββúʔ] 'memuji'. Penyahsuaraan bunyi frikatif bersuara pada akhir kata itu jelas ditunjukkan dalam sesetengah kata kerja. Misalnya [piβboβ^əikáʔ] 'memotongnya!', [piβboχ] 'memotong', [paqaSiβ^əikát] 'menghanyutkannya!', [qaafi^əχ] 'hanyut'. Tetapi, perlu ambil perhatian bahawa /β/ atau /z/ tidak dinyahsuarakan pada posisi yang sama.

Secara fonetik, /s/ dipalatalisasikan sebelum /i/, iaitu sebagai [ʃ]; Misalnya, [piiʃiŋ] 'ranting'.

/l/ adalah bunyi lateral bersuara dengan geseran yang kuat [ɭ], jadi bunyi ini mudah keliru dengan frikatif /z/.

/r/ merupakan bunyi tamaran [L], sesekali berbunyi getaran.

/w/ bersilih ganti dengan [β] di posisi akhir kata akar. Misalnya, [βaLiβ-ikáʔ] 'jualkannya!', [βaLíw] 'jual'. Dalam alternasi ini, [β] muncul hanya sebelum /i/, tetapi bukan di posisi lain. Misalnya, [m-βaβ^əíw] 'berlari', [βaβ^əiw-ká] 'lari!', [m-βaβ^əriw-a naapawa-kúʔ] 'bini saya dah lari'.

Bunyi hentian glotis wujud di posisi awal dan akhir kata. Misalnya, [ʔuuwáy] 'rotan', [nuuzúʔ] 'kelapa', [qooyúʔ] 'serigala', [ʔ^əʃ:iŋ] 'daging', tetapi tak pernah muncul di posisi antara vokal. Misalnya, [ʔa'úʔ] 'belut'.

Bahasa Kavalan mirip dengan bahasa Thao (Li 1976) daripada aspek-aspek yang berikut:

1. Setiap kata bermula atau berakhir dengan hentian glottis sekiranya tidak ada konsonan lain. Kata akar dan hentian glotis di akhir kata hilang bila masing-masing diikuti sufiks dan kata. Misalnya, [mβiyaasáʔ] 'beli', [βiyasa-ikáʔ] 'beli!', [mβiyasa-iku ɬaakán] 'saya membeli sesuatu', [βaɬiyan mβiyasa tu βaaúʔ] 'orang tua itu membeli sedikit ikan'.
2. Secara fonetik, di suku kata pra-akhir, semua vokal (kecuali /ə/) adalah vokal panjang⁵. Sekiranya vokal tersebut mengikut gugusan konsonan, ia tidak berbentuk vokal panjang. Misalnya, [βniináʔ] 'pisang', [puuóq] 'kacang', [qmaβát] 'mengigit', [maatíʔ] 'pergi', tetapi [mimβós] 'mendidih', [samsám] 'mengunyah', [βaŋtún] 'hampa padi', [ʔimtóχ] 'nasi yang hangus', [qotqót] 'kerak nasi', [paŋzan] 'sejenis pokok *pandanus*', [qinβós] 'galang'.
3. Vokal transisi [ə] atau [e] wujud antara vokal /i/ dan uvular /q/ atau /R/. Misalnya, [qoi^əq^əikáʔ] 'cari!', [paβ^əín] 'pohon', [mqaafi^əχ] 'cepat', [mʃiiβ^əís] 'mahal', [βiɬβ^əíʔ] 'daun'.

4. Vokal /u/ mempunyai satu varian, iaitu [o] bila ia wujud berdekatan dengan bunyi uvular obstruent, contohnya [βooqóŋ] ‘parut di kayu’, [ɛwaaɛóŋ] ‘bubur’.

Dalam bahasa Thao, bunyi tekanan wujud di posisi suku kata terakhir, manakala dalam bahasa Kavalan, tekanan wujud di posisi suku kata akhir. Misalnya, [taamáŋ] ‘bapa’, [suunís] ‘anak’, [qaanáŋ] ‘bakul’. Penekanan lazimnya jatuh pada suku kata akhir yang vokalnya mengalami peninggian. Misalnya, [su’áy] ‘rumput’, [ʔuwáy] ‘rotan’, [paanáŋ] ‘padi’, [qaaβáw] ‘kerbau’, [Loqnáw] ‘harimau bintang’.

DISTRIBUSI DAN FONOTAKTIK (*PHONOTACTICS*)

Konsonan /p, t, k, q, s, z, β, R, m, n, ŋ, l, r/ adalah tiga belas konsonan yang wujud di posisi awal kata sebelum vokal /i, u, a, ə/, di posisi antara vokal dan posisi akhir kata. Semivokal /w, y/ tidak wujud di posisi awal kata sebelum sesetengah vokal. Bunyi hentian glotis tidak wujud di tengah kata atau posisi antara vokal; ia wujud di awal kata sebelum vokal atau konsonan dan juga wujud di posisi akhir kata. Lihat contoh-contoh yang berikut:

- /p/ *pisuR* ‘lintah’, *puraw* ‘kupu-kupu’, *pakir* ‘subang’, *pəŋirit* ‘sejenis tumbuhan-Alocasia’, *rapis* ‘tupai’, *kunip* ‘kura-kura’.
- /t/ *tinus* ‘semut’, *turiq* ‘lebah’, *tamus* ‘cincin’, *təpən* ‘buluh yang berduri’, *bitik* ‘tumit’, *βaut* ‘ikan’.
- /k/ *kili?* ‘kain’, *kunani?* ‘nanah’, *kalamu?* ‘kelip-kelip’, *kəpua?* ‘kapas’, *kikia?* ‘sebentar’, *tizik* ‘cengkerik’.
- /q/ *qinpan* ‘tempat tidur’, *qutu?* ‘kutu rambut’, *qamit* ‘sabit’, *qərizən* ‘benang’, *βuqul* ‘gelang kaki’, *turiq* ‘lebah’.
- /ʔ/ *ʔiβu?* ‘debu’, *ʔuniŋ* ‘lintah gunung’, *ʔanəm* ‘jantung’, *ʔsi?* ‘daging’, *muRi?* ‘rumpai laut’.
- /s/ *siwar* ‘panah’, *suβan* ‘tali pengikat’, *sani?* ‘berang-berang’, *səzaaŋ* ‘matahari’, *wasu?* ‘anjing’, *qaβus* ‘udang’.
- /z/ *ziut* ‘menggantungkan’, *zukut* ‘penutup’, *zais* ‘muka’, *zəna?* ‘padi’, *razan* ‘jalan’, *tuRuz* ‘belakang’.
- /B/ *βiru?* ‘arang’, *βutuq* ‘mengikat kaki’, *βaka?* ‘lembu’, *βəRas* ‘beras’, *Ruβataŋ* ‘cantik’, *ʔinəβ* ‘pintu’.
- /R/ *Ritis* ‘sejenis lalat-Horsefly’, *Rusipan* ‘lipan’, *Raβis* ‘pisau’, *Rəsapan* ‘pantai’, *naRin* ‘tidak’, *tuβuquR* ‘belalang’.
- /m/ *minəβ* ‘tutup’, *muray* ‘bunga’, *mais* ‘jagung’, *mərimu?* ‘sejenis rusa – pygmy deer’, *ruzəm* ‘semut’.

- /n/ ni ‘genitif’, nunuR ‘tulang selangka’, najan ‘nama’, nəŋŋi? ‘baik’, punəl ‘otak’, ʔumin ‘ketam’.
- /ŋ/ ŋil ‘mencintai’, ŋyuuR ‘mulut’, ŋazy ‘dagu’ ŋətaar ‘gagap’, piŋi? ‘pipi’, βaRəŋ ‘sejenis kumbang – Dung Beetle’.
- /l/ lislis ‘sisik’, lunut-ika? ‘menusuk’, laak ‘rakan’, ləzan ‘langit’, smulal ‘menulis’, maytumal ‘Seediq (nama suatu suku di Taiwan)’.
- /r/ riŋur ‘kecebong’, ruβu? ‘sarang’, raray ‘cengkerik’, raziŋ ‘laut’, βuran ‘bulan’, kayar ‘telinga’.
- /w/ wiyan ‘itu’, wanu? ‘lebah madu’, tawraq ‘apron’, sikawma? ‘bahasa’
- /y/ yau? ‘keluar’, quyu? ‘serigala’, payzan ‘mesin giling’, raray ‘riang-riang’.

Vokal /i, u, a/ muncul di tengah dan akhir kata dan pada suku kata yang mengalami penekanan. Hanya segelintir kecil vokal ini muncul di akhir kata. /ə/ tidak wujud di akhir kata atau diikuti bunyi hentian glottis di suku kata akhir.

- /i/ ʔiβu? ‘debu’, piŋi? ‘ranting’, sami? ‘sejenis bunga – Lатуca Indica’, ni ‘genitif’
- /u/ ʔuniŋ ‘sejenis lintah’, ritun ‘duri’, saru? ‘buah kundur’, tu ‘akusatif’
- /a/ ʔanəm ‘hati’, Raβas ‘akar’, βnina? ‘pisang’, a ‘nominatif’
- /ə/ Rəzim ‘gigi geraham’, zaqəs ‘sejenis tumbuhan -camphor laurel’, paən ‘umpan’.

Diftong: /aw, ay, iw, uy/ wujud di suku kata yang mempunyai / tidak mempunyai penekanan.

- /aw/ qawpiR ‘ubi keledak’, paqaw ‘labah-labah’.
- /ay/ ʔaypama? ‘belum’, tmayta? ‘melihat’, siqay ‘ular’
- /iw/ ziwtan ‘pengait’, βaniw ‘cendawan’
- /uy/ muysis ‘pegang dalam tangan’, βaβuy ‘babi’

Wujud gugusan vokal (baik dari vokal yang sama atau tidak) dalam bahasa Kavalan. Setiap vokal ini adalah puncak untuk suku kata. Tidak ada bunyi hentian glottis dalam gugusan vokal.

- /ii/ Riis ‘nyamuk’, mŋiil ‘menyayangi’, mniis ‘berlepas’
- /uu/ kuu? ‘burung hantu’, puuq ‘kacang’
- /aa/ taal ‘najis’, laak ‘orang lain’, səzaaŋ ‘matahari’, ʔəzaan ‘tua’, qəRaas ‘memanggil’.

/əə/	TIADA DATA
/ia/	βiaquR ‘katak puru’, kiamaʔ ‘buah mangga’
/ai/	mais ‘jagung’, pais ‘sejenis kerang’, βaiʔ ‘nenek’, smait ‘menggunting’.
/ua/	βuaʔ ‘buih’, qalaβuaŋ ‘gunung’.
/aə/	Raŋraəŋ ‘mengerang’, paəŋ ‘umpan’, βaəŋ ‘parit’
/iu/	suiz ‘kasau’, smiun ‘mengurangkan’
/iu/	ŋiut ‘hingus’, kuit ‘hantu’, mβuiq ‘mengembang’

Sesekali, terdapat gugusan vokal yang terdiri daripada tiga vokal:

/uau/	kuauʔ ‘burung merpati’
-------	------------------------

Kluster konsonan berikut wujud pada awal kata (kluster konsonan dan semivokal /w, y/ tidak disenaraikan dalam kajian ini).

1. pɣ-, pR-, pm-, pn-, pŋ-, pl-, pr-
2. tɸ-, tq-, tβ-, tm-, tn-
3. kt-, ks-, km-, kl-, kr-
4. qt-, qβ-, qR-, qm-, qn-, ql-, qr-
5. sp-, st-, sk-, sm-, sn-, sl-
6. βR-, βn, βl-, βr-
7. Rɣ-, Rβ-, Rm-, Rŋ-
8. mp=, mt-, mk-, mq-, ms-, mβ-, mz-, mR-, mn-, mŋ-, ml-, mr-
9. nr-
10. ?s-, ?R-

Kluster konsonan didapati tidak bermula dengan konsonan /z, ŋ, l, r, w, y/. Adalah diperhatikan tidak ada kombinasi konsonan yang homorganik, seperti *pβ-, *βp-, *βm-, *tl-, *tr-, walaupun terdapat pm-, mp-, mβ-, qR-, Rɣ-, st-, sn-. Contoh-contoh kluster konsonan di awal kata itu adalah seperti yang berikut:

1. pɣaysəŋ-ikaʔ ‘mengeringkan’, pRapkap ‘menyentuh’, pmaniʔ ‘menembak’, pniayan ‘paha’, pŋanRanas ‘ulat’, plias ‘air terjun’, prisin ‘tabu’.
2. tpuruk ‘kertas’, tqəz ‘menghentikan’, tβaRiʔ ‘merah’, tmunaw ‘lubang’, tnurəl ‘jari’.
3. ktirur ‘buah pelir’, ksisan ‘bahagian di mesin tenun’, kmatuʔ ‘menandakan’, klaβuʔ ‘menantu’, kraβaʔ ‘itik’.
4. qtaβaʔ ‘lumut’, qβaRajan ‘buah kundur’, qRaas ‘memanggil’, qmaRat ‘menggigit’, qnaβil ‘musuh’, qlaqəŋ ‘ruang’, qruniʔ ‘anai-anai’.

5. spəzan ‘meletakkan’, staji? ‘hari ini, sekarang’, skawaru? ‘musim panas’, smiup ‘meniuip’, snizas ‘bumbung’, slayu? ‘tikar’.
6. βRina? ‘alang-alang di mesin tenun’, βnina? ‘pisang’, βluŋ ‘meludah’, βruruq ‘menjerit’.
7. Rqaaz ‘bersama’, Rβəŋan ‘penyergapan’, Rmatis ‘sakit, mendidih’, RŋitRŋit ‘mengertakkan gigi’.
8. mpasir ‘sempit’, mtiu? ‘pendeta’, mkukup ‘kumbang bunga’, mqiRuzik ‘mencuri’, msuRaw ‘jatuh’, mβunur ‘bengkak, kembang’, mzimuz ‘putting’, mRaRim ‘masam’, mlaziu? ‘halus’, mranəm ‘berkabut’, mnaŋuy ‘berenang’, mŋiil ‘suka’.
9. nranəŋan ‘bilik’.
10. ?si? ‘daging’, ?Rəl ‘lalang’.

Kluster konsonan yang berikut wujud di tengah kata (kluster yang wujud dalam kata pengulangan ditandakan dengan tanda kurung; lihat § 2.3. Sekali lagi, kluster konsonan dan semivokal tidak disenaraikan di sini):

1. -pp-, -pt-, (-pk-), -ps-, (-pR-), -pn-
2. -tp-, -tt-, (-tk-), (-tq-), -ts-, -tβ-, -tz-, -tm-, -tl-
3. -kt-, -ks-, (-km-)
4. -qp-, (-qt-), -qq-, -qs-, -qz-, -qn-
5. -sp-, -st-, -sk-, -sβ-, (-sz-), -sn-, -sl-, (-sr-)
6. -βt-, -βR-, -βn-, -βl-
7. -Rp-, -Rt-, -Rβ-, -Rm-, -Rn-, -Rŋ-
8. -mt-, -mq-, -ms-, -mβ-, -mz-, -mR-, -mm-, -mn-, -mŋ-, -ml-, -mr-
9. -np-, -nt-m -nk-, -ns-, -nβ-, -nR-, -nm-, -nn-, -nŋ-, -nr-
10. -ŋt-, (-ŋk-), -ŋs-, -ŋz-, -ŋR-, -ŋŋ-, -ŋr-
11. -lt-, (-lq-), -lβ-, -lm-, -ln-, -ll-
12. -rk-, -rs-, -rβ-
13. (-zq-)

Seperti kluster untuk posisi awal kata, tidak ada kluster yang bermula dengan /z/ di tengah kata, kecuali dalam kata akar eka suku kata yang mengalami pengulangan. Contoh kluster konsonan pada tengah kata adalah:

1. pappay ‘gubuk’, qnaptayan ‘janda’, mRaqaapsi? ‘rosak’, ?ayzipna? ‘betul’.
2. matpuq ‘memotong’, tuttu? ‘tengahari’, katsaw ‘nanah di kepala’, ratβus ‘manis’, satzai? ‘menyanyi’, kətmu? ‘keras’, matluβ ‘berlumpur’.


3. maktun ‘mematahkan’, rutuksun ‘puncak’.
4. maqpil ‘mengikuti’, tuqqiq ‘menyemak’, smaqsaqay ‘bermain’, maqzay ‘(air) kurang’, ruqnaq ‘harimau bintang’.
5. Yuspat ‘empat’, sastaR ‘mengumpulkan’, paska? ‘merasai’, masβan ‘tanah runtuh’, Rusnusnuray ‘tergesa-gesa’, maslaw ‘dahaga’.
6. Raβtin ‘sepuluh’, piβRuR ‘memotong’, maβnaR ‘meretak’, maβluq ‘patah’.
7. tuRpus ‘sejuk’, puRtəs ‘tumor’, taRβaβi? ‘pagi’, YiRβəŋ ‘dalam’, suRna? ‘salji’, YiRŋuan ‘bantal’.
8. YimtuR ‘nasi yang hangus’, simqəna? ‘cantik’, simsələs ‘menukar’, tmarumβi? ‘bersembunyi’, Rumzaŋ ‘peluh’, timRa? ‘kutu’, mammaq ‘panas’, qumnut ‘marah’, sumŋaR ‘berdengkur’, tamli? ‘tawar (rasa)’, kumrit ‘sangat sejuk’.
9. Yinpan ‘tikar’, rintun ‘pohon beringin’, pukun-an-ku? ‘saya pukul (bentuk pasif)’, nansi? ‘sejenis buluh’, munβi? ‘bersembunyi’, pRanRanas ‘ulat’, mənəmət ‘tabu’, tənnəl ‘sayur’, Yinŋat ‘cahaya’, pinrəŋ ‘hempedu’.
10. βaŋtu? ‘berbau’, βaŋsis ‘wangi’, paŋzan ‘sejenis pohon-Pandanus’, βaŋRəs ‘lalat besar’, ləŋŋat ‘tingkap’, paŋruy ‘sejenis sayur’.
11. Multiq ‘melompat’, Yiβəŋ ‘rendah’, malminiq ‘arang yang membara’, mulnap ‘berbisik’, βəlləs ‘perut’.
12. βarkunu? ‘sejenis alat bercucuk tanam’, mursit ‘keluar’, marβiq ‘tumpah’.

Tidak ada kluster konsonan pada posisi akhir kata.

BENTUK PENGULANGAN

Pengulangan dalam bahasa Kavalan berlaku melalui: CVC menjadi CVC-CVC. Bentuk pengulangan ini banyak terdapat dalam bahasa Austronesia di luar Pulau Formosa (Taiwan) tetapi tidak umum dalam bahasa Formosa, terutamanya dalam kelompok bahasa Atayalik dan bahasa Tsouic.

- | | |
|-----------------------------|-------------------------------------|
| 1. βir βir ‘bergil’, | 9. tuqtuq ‘menukul sesuatu dengan |
| 2. βur βur ‘membakar’ | tukul’ |
| 3. βər βər ‘memutar’ | 10. kutkut ‘menggali’ |
| 4. suksuk ‘mengunci’ | 11. qutqut ‘kerak nasi’ |
| 5. səksək ‘menghisap’ | 12. βasβas ‘menyiram tumbuhan’ |
| 6. taktak ‘memotong daging’ | 13. zaszas ‘dada’ |
| 7. taqtaq ‘membuang’ | 14. tuptup ‘menghisap seperti babi’ |
| 8. təqtəq ‘pasak’ | |



Berdasarkan huraian Tsuchida, penulis tidak percaya PAN mengandungi begitu banyak konsonan selain banyak dalil yang dikemukakan tidak ada dalam bahasa purba atau hilang dalam bahasa Kavalan. Sesungguhnya, ianya di luar skop perbincangan makalah ini. Perkara yang menarik ialah PAN *k menjelma menjadi /k/ dan /q/ dalam bahasa Kavalan, bergantung pada vokal yang mengikutnya. Penjelmaan sedemikian (iaitu dipengaruhi vokal yang mengikutnya) tidak dijumpai dalam bahasa Formosa lain, kecuali bahasa Seediq dan sesetengah dialek Atayal (iaitu *k > q dipengaruhi konsonan /h/ yang mengikutnya) (Li 1981).

DERIVASI LEKSIKAL

Bentuk rekonstruksi berikut umumnya dirujuk daripada Tsuchida (1976). Data Kavalan ini telah dikumpul penulis di lapangan pada Oktober 1977

sebanyak kira-kira 1200 patah perkataan. Untuk data yang diragui dari segi derivasi, fonetik atau semantik, akan ditandai dengan (?). Segmen yang menimbulkan persoalan pula akan digarisbawahi.

Dari Proto-Austronesia ke Kavalan

- | | | | |
|----|--------|---|----------------|
| 1. | *aji | > | su-ani? 'adik' |
| 2. | *amaH | > | t-ama? 'bapa' |
| 3. | *babaW | > | βaβaw 'bawah' |
| 4. | *batuH | > | βatu? 'batu' |
| 5. | *bəHi | > | βai? 'nenek' |
| 6. | *bujaQ | > | βua? 'buih' |
| 7. | *bulaN | > | βuran 'bulan' |
| 8. | *bulaR | > | βuRaR 'buta' |

Catatan: konsonan tengah kata telah diasimilasikan dengan konsonan akhir.

- | | | | |
|-----|--------|---|--------------------|
| 9. | *busuR | > | βusuR 'busur' |
| 10. | *Caŋəm | > | t-m-anəm 'tanam' |
| 11. | *CaSiq | > | t-m-ais 'menjahit' |

Catatan: Metasis berlaku pada konsonan kedua dan ketiga dalam semua bahasa Formosa; lihat Tsuchida (1976: 314).

- | | | | |
|--|---------------------|---|--|
| 12. | *Cuməs | > | tuməs 'kutu' |
| Cf. Ngadju-Dayak <i>tumə</i> ' (Dempwolff 1938: 143) | | | |
| 13. | *CusuR | > | t-m-usuR 'masukkan benang ke jarum' |
| 14. | *DaDaŋ | > | zazaŋ 'bahang' |
| 15. | *DamaR 'unggun api' | > | zamaR 'api' (Kavalan di Daerah Ilan) Ramaz 'api' (Kavalan di Daerah Hualien) |

Catatan: Metasis konsonan pertama dan akhir untuk suku yang datang kemudian ke persisiran timur pantai Formosa.

- | | | | |
|-----|-----------------|---|-----------------------------|
| 16. | *Danum | > | zanum 'air' |
| 17. | *DəmDəm 'gelap' | > | mRi-zəmzəm 'api yang kecil' |
| 18. | *DəwSa? | > | ʔu-zusa? 'dua' |
| 19. | *(i)aku | > | ʔa-iku? 'aku' (?) |

Catatan: Kekecualian derivasi *k > q/_*u.

- | | | | |
|-----|--------|---|----------------------|
| 20. | *inaH | > | t-ina? 'emak' |
| 21. | *kaʔən | > | q-m-aan 'makan' |
| 22. | *kaRaC | > | q-m-aRat 'menggigit' |
| 23. | *kiRim | > | k-m-irim 'mencari' |

24. *kiTaʔ > m-qiʔaʔ ‘melihat’
 Catatan: Konsonan /q/ yang wujud dan bukannya /k/ seperti yang dijangkakan, menimbulkan persoalan.
25. *kuCuH > qutuʔ ‘kutu’
26. *kuRita > qlitaʔ ‘sotong kurita’
27. *labaw > mə-raβaw ‘tikus’
28. *laŋaw > raŋaw ‘lalat’
29. *likuD ‘belakang’ > ku-rikuz ‘mengikuti’, tma-rikuz ‘pulang’
30. *lima > ʔu-rimaʔ ‘lima’
31. *maCa > mataʔ ‘mata’
32. *ma(n)taq > matiʔ ‘mentah, belum masak’
 Catatan: *a > /_ *q untuk bentuk ini dan beberapa contoh berikut.
33. *nanaq > ku-naniʔ ‘nanah’
34. *Nixəpis > ʔinpis ‘nipsis’
 (cf. Dempwolff *nipit’)
 Catatan: Metatesis *n dan *i
35. Nəsuŋ > ʔinsuŋ ‘alat pengisar (?)’
36. *ŋajan > naŋan ‘nama’
 Catatan: Metatesis *ŋ dan *j
37. *paCəy > patay ‘mati’
38. *panaq > p-m-aniʔ ‘memanah’
39. *paŋuDaŋ > paŋzan ‘sejenis tumbuhan-pandanus’
40. *pəñu > pənuʔ ‘penyu’
41. *pitu > ʔu-pituʔ ‘tujuh’
42. *qauR > ʔiuR ‘sejenis buluh’
43. *quWay > ʔuway ‘rotan’
44. *qulu > ʔuRuʔ ‘kepala’
45. *quZan > ʔuzan ‘hujan’
46. *ʔənəm > ʔu-nəm ‘enam’
47. *RabiʔiH > sa-Raβi-an ‘petang’
48. *θəpθəp > s-m-əpəp ‘menghisap’
49. *θiwa > ʔu-siwaʔ ‘sembilan’
50. *θuθu > sisuʔ ‘dada’ (?)
51. *SapaR > s-m-apaR ‘membentangkan tikar’
52. *təluH > ʔu-turuʔ ‘tiga’
53. *təbuʃ > təβus ‘tebu’
54. *[tT]uŋa⁸ ‘belut’ > β³-tunaʔ ‘sejenis ular’ (?)
55. *TakTak > taktak ‘menetak’

56. *TukTuk > t-m-uktuk ‘mengetuk’
 57. *-utaq > muti? ‘muntah’
 58. *walu > ?u-waru? ‘lapan’
 59. *waRiH > ka-wiri-an ‘kiri’
 60. *xəpat > ?u-spat ‘empat’
 61. *χu > ?a-isu? ‘kamu’
 62. *Zalan > razan ‘jalan’

Catatan: Metasis untuk konsonan pertama dan kedua dalam kata.

Dari Proto-Hesperinesia ke Kavalan

63. *ala > m-ara? ‘mengambil’
 64. *babuy > βaβuy ‘babi’
 65. *baŋaR > βanaR ‘sejenis tumbuhan’
 66. *baRat > balat ‘angin timur’
 67. *bilan > βilan ‘membilang’ (?)
 Catatan: *bilan* banyak ditemui dalam bahasa-bahasa Filipina.
 68. *buŋuk > Busuq ‘mabuk’
 Cf. Rukai *ma-busuk*, Atayal (dialek Mayrinax, pertuturan wanita) *ma-busuk*, Saisiyat *bofok*
 69. bəRas > βəRas ‘beras’
 70. bə[sθ]uR > ma-βisuR ‘kenyang’
 71. *Cawa > m-tawa? ‘ketawa’
 72. *Dapaŋ > zapan ‘kaki’
 73. *Daya > zaya? ‘barat, darat’
 74. *Duma > zuma? ‘lain’
 75. *kaRaw > q-m-aRaw ‘menggaruk’
 76. *kiθkiθ > k-m-iskis ‘mencukur’
 77. *luŋəq > Rusi? ‘air mata’
 78. *LamLam ‘terbiasa’ > nanam ‘bekerjasama’
 79. *Laŋuy > m-naŋuy ‘berenang’
 80. *nunuH ‘buah dada, susu’ > nunu? ‘menghisap susu, menyusu’
 81. *ŋal[aə]y > ŋaŋay ‘air ludah, air keluar ke mulut dari perut’

Catatan: konsonan kedua mungkin diasimilasi ke dalam konsonan pertama

82. *paŋəy > panay ‘padi’ (?)
 Catatan: kata ini mungkin dipinjam dari bahasa Amis *panay*.
 83. *paliŋi > prisin ‘tabu’

Catatan: nasal akhir /n/ akan dijelaskan. Cf. Amis (dialek Sakiraya)

paLifin.

- | | | | |
|-----|----------------------|---|-----------------------|
| 84. | *paʔən | > | paən ‘umpan’ |
| 85. | *qabuH | > | ʔiβuH ‘debu’ |
| 86. | *qaCəb | > | ʔitəβ ‘jerat’ |
| 87. | *qamiʃ ‘angin utara’ | > | ʔimis ‘utara’ |
| 88. | *qaRəm | > | ʔiRəm ‘pemakan semut’ |

Catatan: perubahan *a>i/*q- untuk empat item di atas, tetapi bukan untuk item berikut.

- | | | | |
|-----|--------|---|---|
| 89. | *qayam | > | ʔalam ‘burung’ (?) |
| 90. | *qəŋəb | > | minəβ ‘menutup’, ʔinəβ ‘tutup!,
pintu’ |

Catatan: vokal pertama mungkin perlu direvisi menjadi /i/ dalam rekonstruksi. Tsuchida (komunikasi peribadi) mencadangkan derivasi ini mungkin adalah *mi-qəŋəb > *miqŋəb > minəβ, ʔinəβ dijelmakan oleh analogi.

- | | | | |
|-----|--------|---|---------------------------|
| 91. | *qətut | > | ʔtut ‘kentut’ |
| 92. | *Suni | > | s-m-uniʔ ‘bunyi serangga’ |
| 93. | *taLam | > | t-m-ałam ‘merasakan’ (?) |

Catatan: konsonan tengah kata yang dijangkakan ialah /n/, bukan /l/.

- | | | | |
|-----|-------------------|---|---------------------|
| 94. | *tapəʃ | > | t-m-apəs ‘menampi’ |
| 95. | *tətəʔun | > | t-um-nun ‘menenum’ |
| 96. | *tuʃud | > | tusuz ‘lutut’ |
| 97. | *wannəŋ | > | ka-wanan-an ‘kanan’ |
| 98. | *waRiH ‘matahari’ | > | waRiʔ ‘timur’ |
| 99. | *waθu | > | wasuʔ ‘anjing’ |

Daripada Proto-Formosa kepada Kavalan

- | | | | |
|------|--------|---|-----------------------|
| 100. | *Cabu | > | t-m-aβuʔ ‘membungkus’ |
| 101. | *Caqis | > | t-m-ais ‘menjahit’ |

Catatan: PAN *CaSiq > PFN *CaqiS (oleh metasis konsonan) > *t-m-ais*.

- | | | | |
|------|--------|---|----------------------|
| 102. | *ʔusuj | > | ʔinsuj ‘pengisar’(?) |
|------|--------|---|----------------------|

Catatan: PAN *Nəsuj > PFN *ʔusuj > ʔinsuj

- | | | | |
|------|---------|---|-----------------------|
| 103. | *Sanaq | > | saniʔ ‘berang-berang’ |
| 104. | *SuRəta | > | suRnaʔ ‘salji’ |
| 105. | *waʔuH | > | wanuʔ ‘lebah-lebah’ |
| 106. | *walay | > | waRay ‘benang’ |

Dari Proto-Formosa Selatan ke Kavalan

107. *baŋaS > βaŋas ‘sejenis tumbuhan-
Melia azedarach’
108. *ba[rR]aŋ > βRaiŋ ‘rusuk’ (?)
109. *bukəS > βuqəa ‘rambut’
Catatan: PAN *buSək > PSF *bukəS (dengan metasis konsonan kedua dan ketiga) > βuqəs.
110. *CaRəb ‘penutup’ > taRəβ ‘kotak’
111. *Cumay > tumay ‘beruang’
112. *DakəS > zaqəs ‘sejenis tumbuhan-
camphor laurel’
113. *kaRus ‘mencedok’ > k-m-aRus ‘membuang kotoran’,
cf. k-m-aRu? ‘mencedok air’.
114. *lawaR > rawar ‘tupai yang boleh terbang’
Catatan: Konsonan akhir yang dijangkakan ialah /R/, ia telah berasimilasi ke awal kata.
115. *lukɿaw > ruqnaw ‘harimau bintang’
116. *puCaq ‘buih’ > puti? ‘tahi mata’
117. *qubiS > ?umis ‘bulu kemaluan’ (?)
118. *Samaq > sami? ‘sejenis bunga – Lатуca
Indica’
119. *(Sa-)Ruqatay > Runanay ‘lelaki’ (?)
Catatan: Konsonan kedua mungkin diasimilasi ke konsonan berikutnya.
120. *SimaR > simaR ‘lemak’
121. *təRakuk > traquq ‘ayam’
Kata ini direkonstruksi oleh penulis; cf. Tsou (Duhtu) *tro?ua*, Kanabu *tarikuuka*, Saaroa *turukuuka*, Rukai (Tanan) *tarokok*, Puyuma *tərukuk*, Bunun *tulukuk*
122. *baRija > βRina? ‘buluh di mesin tenun’
Cf. dialek Atayal *bagisa?* atau *bzira?*, PAN *balig’a (Dempwolff 1938:22)

NOTA HUJUNG

¹ Kajian lapangan saya ditajai geran dari Institut Harvard-Yenching, 1 Julai 1977 – 30 Jun 1978. Penyediaan makalah ini disokong National Science Council Grant NSC70-0301-H001-08, Republik China. Komen dan cadangan Shigeru Tsuchida ke atas draf makalah ini amatlah dihargai.

- ² Kajian lapangan ini dilakukan di Hsinshê (新社), daerah Funpin, Bahagian Hualian. Sebanyak 3 kali kunjungan, 17 hari, 90 jam telah dilakukan di kampung tersebut pada 21-27 Oktober 1977, 4-10 April dan 23-25 Disember 1978. Data yang dikumpulkan penulis termasuk (1) kira-kira 1200 leksikal, (2) ratusan contoh ayat untuk analisis sintaksis, dan (3) 11 teks yang sepanjang 60 halaman dalam buku catatan lapangan penulis. Informan utama penulis bernama ?ulaw (Nama beliau dalam sebutan bahasa Minnan ialah Li Ku-lau 李龟刘), berumur 71 tahun laki-laki. Beliau adalah penduduk asli kampung ini (Hsinshê). Selain bahasa ibundanya (bahasa Kavalan), beliau juga fasih berbahasa Jepun, bahasa Minnan (Hokkien) dan Amis. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan bahasa Minnan.
- ³ Bahasa Kavalan masih digunakan di Hsinshê, sebuah komuniti pertuturan kecil di pelabuhan pantai timur Taiwan. Bahasa-bahasa yang digunakan di kampung ini ialah bahasa Kavalan, Minnan, Mandarin, Jepun dan Amis. Penutur Kavalan juga tinggal di kampung Litê (di Funpin, Hualian), Chiali (di Daerah Hsinch'êng, Hualian) dan Chagyüan (di Daerah Ch'angpin, Taitung). Namun demikian, bahasa Kavalan bukan lagi bahasa pengantar harian di kampung-kampung yang disebutkan di atas.
- ⁴ Pembahagian suku kata ditandakan dengan tanda '.
- ⁵ Diftong dianggap sebagai satu suku kata, contohnya [mriinaamáw] 'terapung', [paatáy] 'mata', [mawtú?] 'datang', [maytís] 'takut', [miwsú?] 'batuk'.
- ⁶ Perubahan ini tidak beberapa jelas.
- ⁷ Hanya terdapat satu contoh untuk setiap konsonan tengah kata ini, jadi adalah agak susah untuk menentukan konsonan mana yang lebih umum. *qayam > ?alam 'burung'; *Daya > zaya? 'barat, darat'.
- ⁸ Tanda kurung [] menunjukkan tidak pasti segmen mana dalam kurungan ini yang direkonstruksikan untuk bentuk purba.

RUJUKAN

- Dempwolff, Otto. 1934-38. *Vergleichende Lautlehre des Austronesian Wortschatzes*. Berlin.
- Ferrell, Raleigh. 1969. *Taiwan Aboriginal Groups: Problems in Cultural and Linguistics Classification*. Taipei: Institute of Ethnology, Academia Sinica Monograph No. 17
- Li, Paul Jen-kuei. 1976. Thao Phonology. *Bulletin of the Institute of History and Philosophy*, Taipei: Academia Sinica, 47.2: 219-244.
- _____. 1978a. The case-marking systems of the four less known Formosan languages. Canberra, The Australian National University: 569-615. *Pacific Linguistics* C61.
- _____. 1978b. A comparative vocabulary of Saisiyat dialects, *Bulletin of the Institute of History and Philosophy*. Taipei: Academia Sinica, 49.2: 133-199.

- _____. 1980. Men's and Women's speech I Mayrinax, *Papers in Honor of Professor Lin Yü-k'eng on Her Seventieth Birthday*: 9-17. ed. Li, Paul Jen-kuei, George Yung-chao Chen, Morris Wei-hsin Tien, and Frederic Feng-fu Tsao. Taipei, Wen Shin Publishing Co.
- _____. 1981. Reconstruction of Proto-Atayalic Phonology, *Bulletin of the Institute of History and Philosophy*. Taipei: Academia Sinica, 52,2.
- Tsuchida, Shigeru. 1976. Reconstruction of Proto-Tsouic Phonology, Ph.D dissertation, Yale University, Study of Languages & Cultures of Asia & Africa Monograph Series No. 5. Tokyo.
- Wurm, Stephen A. and B. Wilson. 1975. English Finderlist of Reconstructions in Austronesian Languages (Post Brandstetter). *Pacific Linguistics* C33, Canberra: The Australian National University.

(Sumber asal makalah ini dalam bahasa Inggeris dengan judul Kavalan Phonology: Synchronic and Diachronic yang pernah diterbitkan dalam Selected Papers on Formosan Languages. Vol I. *Language and Linguistics Monograph Series* Number C3. Nankang: Academia Sinica: 283-300).

Penterjemah: Chong Shin, Ph D
Felo Penyelidik Kanan
Institut Alam & Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi

Emel: chongshin2002@yahoo.com

